

'Masih ada manipulasi mata wang'

BH

17 JUN 2000

KUALA LUMPUR, Jumaat — Malaysia kecewa kerana masyarakat antarabangsa masih gagal menangani kegiatan manipulasi dalam pasaran mata wang yang mencetuskan kegawatan ekonomi pada 1997.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, kegawatan ekonomi sebelum ini berlaku disebabkan kegiatan manipulasi oleh dana hndung nilai yang mengambil kesempatan terhadap pasaran yang tidak dikawal selia untuk mengaut keuntungan.

"Dalam proses itu, perniagaan yang sebenar, termasuk pemiagaan dalam sektor pelancongan, terjerut. Jumlah kerugian wang yang banyak berlaku bukan kerana kesi-lapan perniagaan.

"Jika kita bersedia untuk mengakui dalang ini, maka kita dapat mengelak kegawatan ekonomi (berulang) dengan mengawal selia ak-

tiviti mereka. Namun, dunia kelihatan belum bersedia untuk menamakan dalang dan bertindak ke atas mereka," katanya di Sidang Kemuncak Ketua-ketua Alaf bagi industri mesyuarat antarabangsa di Seri Kembaran dekat sini, hari ini.

Dr Mahathir berkata, Malaysia terpaksa mencari jalan sendiri bagi mengekang tekanan kegawatan itu bagi menstabilkan persekitaran kewangan dan ekonomi untuk membolehkan perniagaan dijalankan dengan baik.

Berikutan itu, katanya, Malaysia menetapkan kadar tukaran asing (RM3.80 bagi setiap dolar Amerika) dan sesiapa saja yang menjalankan perniagaan di negara ini boleh menetapkan belanjawan serta bebas daripada keperluan untuk membuat penyesuaian dari semasa ke semasa.

"Seperti anda perhatikan, kos melawat Malaysia bukan

sahaja rendah malah boleh diramalkan," katanya.

Dr Mahathir berkata, walaupun perdagangan mata wang dan modal yang mengalir menyeberangi sempadan sudah lama berlaku, ketidakstabilan yang diwujudkan ketika itu adalah minimum.

Bagaimanapun, katanya, dana lindung nilai dengan sejumlah besar modal, boleh mempengaruhi menurun atau menaikkan nilai mata wang menerusi penjualan dan pembelian mata wang tertentu.

Pada masa sama, katanya, negara Asia yang mengalami kegawatan ekonomi sebelum ini mengalami pelbagai masalah berhadapan proses globalisasi.

"Kita fikir globalisasi secara semula jadi tidak bersifat memusnah. Apa yang memusnahkan adalah penyalahgunaan yang wujud hasil daripada proses globalisasi," katanya sambil memberi con-

toh krisis kewangan yang melanda Asia menyebabkan banyak negara kehilangan wang, perniagaan terjejas dan ramai orang menjadi miskin.

Malah, katanya, negara yang terletak beribu-ribu batu jauhnya dari Asia juga tidak terkecuali daripada menerima kesan jangkitan krisis itu.

Sementara itu, beliau berkata, sektor kecil pelancongan seperti industri mesyuarat mempunyai peranan penting dalam pertumbuhan ekonomi dan menjanjikan potensi perniagaan besar.

Ini kerana, katanya, pengembara yang menyertai mesyuarat atau perhimpunan itu membelanjakan tiga kali ganda lebih banyak daripada pelancong biasa.

Di CYBERJAYA, Dr Mahathir berkata, pembangunan industri perisian di Koridor Raya Multimedia (MSC) adalah untuk kegunaan sen-

diri selain eksport.

Perdana Menteri berkata, buat masa ini Malaysia berminat mengeluarkan pelbagai komponen sebagai nilai tambah dalam bidang pengkomputeran.

"Kita amat berminat mengeluarkan perisian yang mudah dan dengan itu membuka laluan untuk mengeluarkan kemudahan yang lebih canggih," katanya ketika berucap di upacara pelancaran Pusat Perisian Motorola di sini, petang ini.

Pusat itu adalah bagi pengembangan perisian dan penciptaan kandungan Internet dalam MSC. Pusat Perisian Motorola itu, yang sekarang beroperasi di Kuala Lumpur, dijangka berpindah ke Cyberjaya tahun depan.

Dr Mahathir berharap pembabitan syarikat teknologi maklumat asing dalam MSC akan membantu usaha membangunkan industri per-

isian di negara ini dan kerajaan komited menjayakan MSC dan terus melabur dalam projek itu walaupun negara dilanda kegawatan ekonomi.

"Saya percaya, MSC akan mencapai kejayaan besar. Dalam MSC, pelbagai kegiatan berkaitan teknologi maklumat (IT) termasuk perisian mempunyai potensi tidak terhad," katanya sambil menambah, MSC berjaya menarik 34 IT bertaraf dunia setakat ini.

Perbadanan Pembangunan Multimedia (MDC) menetapkan sasaran 50 syarikat bertaraf dunia dan 500 syarikat kecil beroperasi dalam koridor teknologi ulung negara itu menjelang 2003.

Kini ada 334 syarikat berstatus MSC beroperasi di kawasan meliputi Menara Kembar Kuala Lumpur (KLCC), Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) dan Cyberjaya.